

# Indonesia - Malaysia kekal akrab sepanjang 50 tahun

Semangat kekeluargaan rumpun bangsa Melayu terus dipererat

BH-7/9/2007

**H**UBUNGAN diplomatik antara Indonesia dan Malaysia genap berusia 50 tahun, Isnin ini. Hubungan itu secara rasmi ditandai pembukaan Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta pada 10 September 1957.

Usia 50 tahun wajar diingati dan dimanfaatkan rakyat kedua-dua negara berjiran dan serumpun. Sehubungan itu, pihak Malaysia mengatur pelbagai program memperingati tahun jubli emas hubungan kedua-dua negara dengan melaksanakan pelbagai kegiatan sepanjang tahun.

Antara lain menyelenggarakan seminar di sejumlah kampus di Indonesia. Pada Mac lalu, misalnya diadakan program di Universiti Sumatera Utara, diikuti di Universiti Andalas Padang pada Mei manakala pada 30 Jun di Universiti Padjajaran Bandung. Bulan lalu diadakan di Universiti Hasanuddin Makasar, Sulawesi Selatan.

Selain itu, kedua-dua negara juga sedang menggarap filem dokumentari mengenai pasang surut hubungan Indonesia-Malaysia. November ini, Minggu Seni Budaya Indonesia-Malaysia bakal diadakan di Kuala Lumpur.

Puncak daripada pelbagai kegiatan akan diselenggarakan di Kuala Lumpur pada 31 Ogos lalu, bertepatan ulang tahun ke-50 kemerdekaan Malaysia. Kerajaan Malaysia mengundang Presiden Susilo Bambang Yudhoyono menghadiri acara kemuncak itu dan diwakili timbalannya, Jusuf Kalla.

Apapun, hubungan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden Indonesia begitu erat. Mereka saling bertemu untuk bertukar fikiran dan mempereratkan persefahaman sama ada di Jakarta mahupun Kuala Lumpur.

Pada seminar di Universiti Padjajaran, Bandung, baru-baru ini, Menteri Penerangan Malaysia, Datuk Seri Zainuddin Maidin turut menyampaikan ucapan mengenai hubungan diplomatik Indonesia-Malaysia.

Hari berikutnya, menteri ber-



**AKRAB:** Hubungan Abdullah dan Susilo begitu erat, menggambarkan betapa perlunya Malaysia dan Indonesia terus bekerjasama dan saling bantu membantu.

kanaan mengundang sejumlah pengarang kanan media nasional di Jakarta untuk menyampaikan visi Malaysia dalam hubungannya dengan Indonesia selain bertukar fikiran untuk mempereratkan hubungan sedia terjalin dan meleraikan salah faham yang mungkin timbul.

Kata sepakat dicapai dan Zainuddin menyatakan kedua-dua bangsa serumpun ini harus saling membantu dan bekerjasama mencapai kemajuan dan kesejahteraan bersama.

Hubungan RI - Malaysia, selama

50 tahun turut mengalami pasang surut. Itu adalah hal yang lumrah dan wajar, ibarat dua saudara kandung yang tidak selalu sama pendapat dan tindakan. Di sana sini tentu ada perbezaan. Yang penting segala persoalan harus diselesaikan dengan semangat persaudaraan.

Hal seperti itu khususnya berkaitan hubungan sesama penduduk perlu mendapat perhatian wajar kerana banyak isu yang tidak dikenal dengan baik boleh menjadi halangan, misalnya kes sempadan wilayah di Ambalat, pembalakan haram di Indonesia yang konon dida-

langi pengusaha Malaysia, dan kes penderaan tenaga kerja Indonesia (TKI) khususnya pembantu rumah warga republik itu yang bekerja di Malaysia.

Persoalan TKI di Malaysia misalnya, boleh menjadi masalah besar jika tidak ditangani dengan baik dan berhati-hati. Masalah TKI adalah persoalan yang menyangkut nasib manusia yang boleh menyebabkan emosi dan sering kali sangat sensitif. Apalagi di Malaysia kini ada 1.2 juta TKI sah dan TKI tidak sah dilaporkan dalam jumlah hampir sama banyak. Justeru, langkah

menanganinya harus didasarkan pada semangat persaudaraan dan kekeluargaan.

Semangat persaudaraan dan kekeluargaan ini perlu dipereratkan kerana ada pihak dari negara Barat sentiasa menginginkan bangsa dari rumpun Melayu ini pecah, apa lagi majoriti mereka beragama Islam.

Akhbar *Republik* berharap semangat muafakat dan kerjasama seperti itu menjadi asas kukuh hubungan Indonesia-Malaysia pada masa depan, terutama setelah melepasi 50 tahun hubungan diplomatik kedua-dua negara.